



B E L A N J A W A N

2020

MEMACU PERTUMBUHAN DAN KEBERHASILAN  
SAKSAMA KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA

RINGKASAN BERKENAAN GOLONGAN M40



- **Bagi memenuhi WKB30, langkah-langkah teras Belanjawan 2020 sejajar dengan 7 strategi Kemakmuran Bersama** untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan apabila Malaysia maju ke hadapan.
- Masyarakat Malaysia yang sihat mestilah mempunyai kelas pertengahan yang kukuh. Belanjawan 2020 menyediakan langkah-langkah untuk memastikan M40 dapat merasakan hasil pertumbuhan Malaysia
- Antara langkah untuk M40 termasuk:
  - ✓ Penciptaan peluang pekerjaan melalui #MalaysiaKerja
  - ✓ NFCP untuk liputan internet jalur lebar lebih pantas, luas, dan mampu milik
  - ✓ Rangsangan digital untuk galakkan penggunaan pembayaran digital
  - ✓ Subsidi petrol bersasar menerusi Kad95 untuk meringankan beban kos sara hidup
  - ✓ Pengambilalihan lebuh raya untuk menangani isu kos pengangkutan
  - ✓ Perluasan perlindungan percuma takaful MySalam
  - ✓ Perumahan
  - ✓ Pengangkutan awam



Jumlah keseluruhan Belanjawan 2020: **RM297 bilion**

- Perbelanjaan Mengurus: **RM241 juta**
- Perbelanjaan Membangun: **RM56 bilion**

## Langkah-langkah Belanjawan 2020 untuk M40

### 1) Infrastruktur digital:

- ✓ **Pelan Pemfiberan dan Kesalinghubungan Nasional (NFCP):** NFCP dilaksanakan dari 2019 ke 2024 untuk menyediakan liputan kesalinghubungan digital yang merangkung dan mampu milik di seluruh negara.
- ✓ Jumlah pelaburan untuk NFCP ialah RM21.6 bilion.

### 2) Rangsangan digital:

- ✓ RM450 juta untuk rangsangan digital RM30 one-off untuk 15 juta rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM100,000 setahun yang layak.



3) #**MalaysiaKerja:** Insentif gaji untuk pekerja dan insentif pengambilan pekerja untuk majikan, dengan kos RM6.5 bilion dalam tempoh lima tahun, mencipta **350,000 pekerjaan tambahan** untuk rakyat Malaysia

✓ **#GraduanKerja:**

- Graduan yang tidak bekerja sekurang-kurangnya 12 bulan
- Insentif gaji bulanan sehingga RM500 selama 2 tahun.
- Majikan menerima insentif pengambilan pekerja sehingga RM300 sebulan

✓ **#WanitaKerja:**

- Wanita berusia 30-50 tahun yang kembali bekerja setelah berhenti bekerja selama > setahun
- Insentif gaji RM500/sebulan.
- Majikan menerima insentif pengambilan pekerja sehingga RM300/bulan
- Pengecualian cukai semasa untuk wanita kembali bekerja

✓ **#WatanKerja:**

- Insentif gaji untuk rakyat Malaysia yang diambil kerja menggantikan pekerja asing
- Insentif upah RM350 atau RM500/bulan bergantung sektor untuk tempoh 2 tahun
- Insentif pengambilan pekerja untuk majikan sehingga RM250 sebulan selama 2 tahun

✓ **#PerantisKerja:**

- Program insentif TVET: Tambahan elaun RM100/bulan untuk pelatih latihan perantisan
- Insentif cukai untuk Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk tambahan 2 tahun.
- Insentif cukai Program Pelatihan Berstruktur (SIP)



## 4) Pengambilalihan Lebuh Raya:

### ✓ Lebuh Raya PLUS:

- Kerajaan akan menimbang semua cadangan untuk mengambil alih atau melupuskan semua saham PLUS Malaysia Berhad.
- **Purata diskaun 18% di semua lebuh raya milik PLUS kepada pengguna.**
- Rakyat Malaysia jimat sehingga RM1.13 bilion pada 2020, dan RM43 bilion sehingga akhir tempoh konsesi pada 2038.

### ✓ Lebuh Raya Lembah Kelang:

- Kerajaan meluluskan pengambilalihan Lebuhraya Shah Alam Expressway (KESAS), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Sprint Expressway (SPRINT) dan Terowong SMART (SMART).
- Caj kesesakan akan **kurangkan kadar tol sedia ada sehingga 30%** di waktu sekitar puncak dan waktu normal, dan percuma di waktu luar puncak.
- **Pengguna jimat hampir RM180 juta setahun, atau RM2 bilion** dalam tempoh konsesi berkenaan.
- **Tiada pelanjutan konsesi sedia ada** dan akan tamat menurut kontrak konsesi sedia ada.



## 5) Subsidi Petrol Bersasar untuk M40 (Kad95):

- ✓ Pemilik kenderaan yang bukan merupakan penerima BSH
- ✓ Tidak memiliki lebih daripada 2 kereta dan 2 motosikal yang layak atas nama sendiri.
  - Kereta berkapasiti <1,600cc, atau berusia lebih 10 tahun sekiranya >1,600 cc
  - motosikal berkapasiti <150cc, atau berusia lebih 7 tahun sekiranya >150cc.
  - Semua kenderaan mewah tidak layak
- ✓ Subsidi minyak sebagai diskauan apabila membeli RON95 di stesen minyak dengan menggunakan Kad95:
  - 30 sen per liter sehingga 100 liter sebulan untuk kereta
  - 30 sen per liter sehingga 40 liter sebulan untuk motosikal
- ✓ Pelaksanaan Kad95 secara beransur-ansur pada suku pertama 2020
- **Untuk Sabah dan Sarawak, harga runcit siling untuk RON95 dan diesel kekal pada RM2.08/liter dan RM2.18/liter masing-masing.**



## 6) Perluasan Skim Perlindungan Kesihatan Percuma MySalam:

- **Golongan berpendapatan tahunan kasar sehingga RM100,000 dan bukan penerima BSH**
  - Bayaran penyakit kritikal RM4,000 secara sekali dan pendapatan gantian RM50 sehari sehingga 14 hari setahun apabila didiagnos dan menerima rawatan di hospital kerajaan;
  - Merangkumi 45 penyakit kritikal daripada 36 sedia ada, termasuk polio dan penyakit terminal; dan
  - Diperluaskan kepada individu berumur sehingga 65 tahun, daripada had 55 tahun sedia ada.

## 7) Pengangkutan awam:

- ✓ **Bas elektrik:** RM450 juta untuk memperoleh sehingga 500 bas elektrik pelbagai saiz untuk pengangkutan awam untuk beberapa bandar di seluruh negara.
- ✓ **Kesalinghubungan sambungan terakhir (last-mile):** RM146 juta untuk subsidi operator bas untuk menyokong kesalinghubungan sambungan terakhir di kawasan bandar dan luar bandar.



## 8) Perumahan :

### ✓ Sewa-Untuk-Memiliki (Rent-to-Own)

- Skim RTO untuk pembelian rumah pertama sehingga RM500,000 dari harga harta tanah.
- Dana tersebut akan memperoleh rumah sehingga nilai RM500,000 yang dikenal pasti oleh penyewa dan menyewa rumah tersebut kepadanya sehingga tempoh 5 tahun.
- Selepas setahun, penyewa mempunyai pilihan untuk membeli rumah tersebut pada harga yang ditetapkan semasa perjanjian sewa ditandatangani.
- Jaminan 30% atau RM 3 bilion daripada Kerajaan untuk skim pembiayaan RTO RM10 bilion dalam usahasama dengan institusi kewangan
- Pengecualian duti setem ke atas instrumen pemindahan antara pemaju dan institusi kewangan, dan di antara institusi kewangan dan pembeli di bawah skim ini.

### ✓ Skim Perumahan Belia

- Pelanjutkan Skim Perumahan Belia yang dikendalikan oleh BSN mulai 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021.
- Jaminan pinjaman sebanyak 10 peratus oleh Cagamas untuk membolehkan pembiayaan penuh dan bantuan ansuran bulanan sebanyak RM200 sebulan untuk 2 tahun pertama terhad kepada 10 ribu unit rumah.

### ✓ CKHT

Tahun dasar untuk perolehan aset diubah kepada 1 Januari 2013 untuk aset diperolehi sebelum 1 Januari 2013, berbanding tahun dasar terdahulu iaitu 1 Januari 2000.